

08 NOV 2000

MAHATHIR-CFO

MAHATHIR AMBIL BERAT PENGUASA TEMPATAN TIDAK IKUT GARIS PANDUAN CFO

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan pandangan berat terhadap kegagalan sesetengah penguasa tempatan mematuhi garis panduan Sijil Layak Menduduki (CFO) yang dipersetujui oleh Kabinet dan kerajaan-kerajaan negeri pada 1995.

Ini dinyatakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, yang berkata Dr Mahathir melihat perkara itu dengan serius dan akan memberikan nasihat yang sewajarnya melalui saluran-saluran yang sesuai.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Ekspor Hartanah Malaysia (MAPEX) 2000 di sini hari ini, beliau mengingatkan penguasa-penguasa tempatan supaya mematuhi syarat-syarat CFO itu yang merujuk kepada cuma tujuh faktor teknikal seperti ditetapkan.

Katanya sesetengah penguasa tempatan mengenakan syarat-syarat bukan teknikal bagi mengeluarkan CFO seperti mensyaratkan pemaju-pemaju menyumbang dana untuk membina jalan tambahan atau perparitan.

Ong berkata Dr Mahathir menyatakan pandangan beratnya pada mesyuarat Kabinet hari ini.

Di pihak kementerian itu, ia akan mengeluarkan peringatan tidak lama lagi, kata beliau.

Mengenai pindaan Akta Perumahan dan Pemaju-pemaju, Ong berkata deraf awalnya adalah hampir siap.

"Kami sedang mengemaskannya dan menunggu maklum balas daripada pihak-pihak berkaitan untuk memastikan hahawa kami akan mengujudkan akta yang seimbang dan adil yang meliputi setiap orang," tambah beliau.

Kepada satu soalan, Ong berkata bekalan berlebihan di dalam sektor harta komersil boleh diatasi hanya melalui pertumbuhan berterusan di dalam ekonomi.

Katanya penyerapan pasaran yang rendah dan peningkatan dalam bekalan baru akan berkemungkinan memburukkan prestasi lembap harta-harta pejabat, runcitan dan perindustrian.

"Separuh daripada kemasukan bakalan adalah di Lembah Klang diikuti oleh Pulau Pinang dengan 25 peratus, kini di bawah beberapa peringkat pembinaan," tambah Ong.

Beliau juga berkata bahawa bilangan unit-unit kediaman tidak dijual jatuh 14.2 peratus atau jatuh 2.6 peratus daripada segi nilai bagi tempoh Disember 1999 hingga Jun 2000.

"Lebih di dalam kompleks membeli belah dan ruang pejabat dibina dengan tujuan tertentu adalah lebih membimbangkan, dianggarkan sebanyak RM20.01 bilion, kekal hampir tidak berubah sepanjang tempoh yang sama," tegas Ong.

MAPEX 2000 dianjutkan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA), badan kebangsaan mewakili sektor hartanah dan perumahan negara.

Sejumlah 67,098 unit hartanah bernilai RM11.217 bilion ditawarkan bagi jualan dalam tempoh MAPEX 2000 diadakan di seluruh negara (8 hingga 26 Nov).

Acara utama diadakan mulai 8-12, Nov di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

-- BERNAMA

MAD SD OS JR